

Edisi Januari - Jun 2025

MITASA



Suara

MITASA

*Adab Sebagai Asas
Kecemerlangan Akademik
dan Pembentukan Sahsiyah*

*Biar Wasiat Jadi
Suara Terakhir*

*Merungkai Potensi:
Prestasi Pekerja Dalam
Era Kerja Jarak Jauh*

*Motivasi Diri Berdasarkan
Penilaian Prestasi*

*Cabaran dan Keperluan
Graduan Teknologi
Maklumat Dalam Dunia
Pekerjaan Masa Kini*

*"Selamat Ke Kita Ni?":
Meneroka 'OSH'*

*Kursus Pengurusan Operasi
Perkhidmatan - Membentuk
Insan Adabi Cemerlang*



PERJUANGAN YANG BERTERUSAN

Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kampus UiTM Shah Alam, Bil.1/2025

- Berlangsung pada 20 Februari 2025, di Dewan Mukhtamar, Masjid UiTM, Shah Alam.
- Program dianjurkan oleh Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang telah dipengerusikan oleh Prof Ts Sr Dr Md Yusof Hamid (Timbalan Naib Canselor Pembangunan).
- Membentangkan mengenai isu berkaitan kesihatan dan keselamatan. Antaranya ialah kes demam denggi yang melanda kolej-kolej berdekatan dengan kawasan penduduk seperti Melati, Mawar dan sebagainya.
- Langkah-langkah telah diambil untuk mengatasi penularan wabak dengan mengadakan kerja-kerja larva sidang dan juga fogging.

- Isu lain ialah berkaitan dengan kereta lusuh terbiar yang di parkir dalam kawasan UiTM. Didapati lebih 50 buah kereta telah di parkir dalam UiTM selama lebih 3 tahun. Pihak Unit Penyelenggaraan UiTM akan mengambil tindakan dengan penampalan notis supaya kereta dialihkan.
- Kemaskini maklumat terkini mengenai lif di Blok A, Fakulti Sains Gunaan dijadualkan beroperasi hujung April 2025.
- Pemakluman juga dibuat mengenai pengoperasian LRT 3 pada 30 September 2025. Kontraktor utama akan menyerahkan laluan stesen LRT 3 UiTM ke DATC pada bulan Jun 2025. Pihak UiTM dijadualkan akan menambah tujuh (7) buah bas untuk menampung permintaan daripada perkhidmatan berkenaan.



THE
STARTING
POINT
OF ALL
ACHIEVEMENT
IS

DESIRE.

- Napoleon Hill